**SKEMA TASAWWUR ISLAM**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023**
**NEGERI MELAKA**

**BAHAGIAN A**

| NO SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 1 | Qadar |
| 2 | Asnaf |
| 3 | Ghanimah |
| 4 | \`Asabiyyah |
| 5 | Zakat |
| 6 | Bertakwa |
| 7 | Komunis |
| 8 | Madinah |
| 9 | Alam Rahim |
| 10 | Alam Barzakh / Alam Kubur |
| 11 | Khalifah / Rakyat / Undang-Undang |
| 12 | Khalifah / Rakyat / Undang-Undang |
| 13 | Khalifah / Rakyat / Undang-Undang |
| 14 | Pembalasan / Pemulihan |
| 15 | Pembalasan / Pemulihan |
| 16 | X |
| 17 | X |
| 18 | ✓ |
| 19 | ✓ |
| 20 | ✓ |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

CS CamScanner

**BAHAGIAN B**

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | **<u>Maksud Islam sebagai ad-din</u>**<br><br>Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m) | 2m |
| | | (ii) | **<u>Sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup</u>**<br><br>- Memandu arah hidup manusia (1m) supaya mengikut syariat Islam (1m)<br>- Cara hidup Islam ialah jalan untuk mendapat kebahagiaan (1m) di dunia dan akhirat (1m)<br>- Akal manusia terbatas (1m) untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara (1m)<br>- Islam menjadi tatacara perhubungan manusia (1m) untuk mencapai keharmonian hidup bermasyarakat (1m) | 1 isi x 2m = 2m |
| | (b) | | **<u>Cara menyelesaikan masalah murtad daripada terus berleluasa dalam kalangan masyarakat (KBAT)</u>**<br><br>Mempelajari ilmu akidah (I) dengan lebih mendalam (H1) agar dapat membezakan antara akidah yang benar atau akidah yang sesat (H2m) contohnya belajar dari guru agama yang bertauliah (H3) Ini menyebabkan seseorang itu tidak terpesong daripada landasan agama yang sebenar (H4) Kesimpulannya, kita hendaklah mendalami/menguasai ilmu agama agar menjadi hamba Allah yang diredai-Nya (K)<br><br>**<u>Cadangan jawapan</u>**<br>- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran terhadap agama Islam<br>- Mengemaskini pendekatan dakwah Islam di semua peringkat dan lapisan Masyarakat<br>- Memperkukuh institusi kekeluargaan<br>- Mengadakan program keluarga angkat saudara baru<br>- Menghapuskan program hiburan yang melampau<br>- Melaporkan kepada pihak berkuasa agama Islam (JAKIM)<br>- Penguatkuasaan undang-undang murtad<br>- Memantapkan didikan agama kepada semua lapisan masyarakat<br>- Mengukuhkan akidah<br>- Penerangan tentang azab Allah swt kepada orang murtad<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 1 isi<br>4 H<br>1 K<br>= 6m |

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **<u>Dua sebab Islam menuntut umatnya bekerja</u>**<br><br>- Merupakan ibadah (1m) yang diberi pahala (1m)<br>- Memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat (1m)<br>- Memenuhi keperluan hidup (1m) seperti makanan dan tempat tinggal (1m)<br>- Mendapat penghormatan daripada masyarakat (1m) kerana mempunyai sikap tanggungjawab (1m)<br>- Memperoleh keberkatan daripada Allah swt (1m) kerana melaksanakan ibadah fardu ain (1m)<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | (i) | **<u>Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam</u>**<br><br>- Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan ajaran dan wahyu Allah SWT (1m)<br>- Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (1m)<br>- Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam (1m)<br>- Berteraskan nilai dan akhlak Islam (1m)<br>- Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas dan keperluan berbanding barangan mewah (1m) | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **<u>Dua kesan pengabaian sistem ekonomi Islam</u>**<br><br>- Matlamat negara yang baik dan mendapat pengampunan Allah SWT tidak akan tercapai (2m)<br>- Amalan riba berleluasa menyebabkan golongan pemodal semakin kaya manakala golongan miskin semakin tertindas (2m)<br>- Nilai-nilai moral semakin terhakis serta akan berleluasa gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi (2m)<br>- Pengagihan harta yang tidak adil dan pemilikan harta yang hanya tertumpu kepada kelompok kelas atasan sahaja (2m)<br>- Ekonomi sesebuah negara akan hancur dan keharmonian hidup masyarakat akan terjejas (2m)<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 2 isi x 2m = 4m |

CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | <u>**Dua contoh tanggungjawab manusia kepada alam**</u><br><br>- Memelihara/menjaga kebersihan Sungai/alam (1m)<br>- Tidak membuang sampah merata /dalam Sungai/laut (1m)<br>- Menanam semula pokok (1m)<br>- Menanam pokok (1m)<br>- Tidak menebang pokok sesuka hati (1m)<br>- Menggunakan kendaraan elektrik (1m)<br>- Mengamalkan kitar semula (1m)<br>- Mengasingkan sampah (1m)<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | <u>**Dua tujuan Allah SWT mencipta manusia**</u><br><br>- Mengabdikan diri kepada Allah SWT (2m)<br>- Memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat (2m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | <u>**Dua kepentingan aktiviti kempen kitar semula di atas**</u><br><br>- Membentuk sahsiah diri (1m) supaya sentiasa menjaga kebersihan (1m)<br>- Melahirkan masyarakat penyayang (1m) kerana mencintai alam sekitar (1m)<br>- Menjimatkan kos pengurusan sampah (1m) oleh kerajaan (1m)<br>- Memelihara dan memulihara flora dan fauna (1m) agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang (1m)<br>- Menjana pendapatan (1m) daripada barangan kitar semula (1m)<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | (i) | <u>**Matlamat perundangan tersebut**</u><br><br>- Memelihara nyawa | 1m |
| | | (ii) | <u>**Tindakan anda dalam mematuhi undang-undang jalanraya agar tragedi di atas tidak berulang**</u><br><br>Memakai tali pinggang keledar (I) semasa memandu (H1)agar dapat menjaga keselamatan diri (H2) Ini kerana Islam amat mementingkan nyawa (H3) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berhati-hati di jalanraya agar keselamatan terjamin (K) | 1 isi<br>3 H<br>1 K<br>= 5m |

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi**<br><br>- Memandu ikut kelajuan yang ditetapkan<br>- Mematuhi lampu isyarat<br>- Memandu dalam keadaan tenang<br>- Mendapatkan lesen memandu<br>- Pakai topi keledar<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | |
| | (c) | **<u>Dua cara Islam memelihara keturunan</u>**<br><br>- Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat (1m) yang sah (1m)<br>- Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini (1m) seperti diharamkan berkahwin dengan ibu (1m)<br>- Melarang perbuatan zina/liwat/lesbian/gay (1m) kerana boleh merosakkan keturunan (1m)<br>- Mensyariatkan hukuman sebat 100 kali/rejam sampai mati kepada penzina (1m) supaya masyarakat mengambil iktibar (1m) | | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| 3 | (a) | (i) | **<u>Dua ciri sesebuah keluarga Islam</u>**<br><br>- Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT (1m)<br>- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik (1m)<br>- Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing (1m)<br>- Sentiasa berkomunikasi secara positif (1m)<br>- Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **<u>Dua tanggungjawab isteri terhadap suami</u>**<br><br>- Taat kepada suami (1m) dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT (1m)<br>- Menjaga rahsia rumah tangga (1m) supaya tidak diketahui orang ramai (1m)<br>- Mengurus hal ehwal rumah tangga (1m) seperti menjaga harta suami dengan baik (1m)<br>- Membantu suami (1m) dalam mendidik anak-anak (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | **<u>Dua contoh akhlak mazmumah yang perlu dihindari dalam sesebuah pergaulan selain berkhalwat</u>**<br><br>- Bersangka buruk<br>- Hasad dengki<br>- Berzina / menghampiri zina<br>- Penting diri sendiri<br>- Memandang hina orang lain<br>- Mencarut<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **<u>Islam melarang umatnya mengamalkan sifat mazmumah dalam pergaulan</u>**<br><br>Untuk mengelakkan masyarakat daripada berpecah belah (I) kerana boleh mewujudkan perbalahan (H1) yang boleh menghancurkan masyarakat (H2) Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan akhlak yang mahmudah supaya hidup harmoni (K)<br><br>**Cadangan jawapan**<br><br>- Untuk melahirkan manusia yang bertakwa dan berdisiplin<br>- Untuk memelihara kesucian dan maruah<br>- Untuk menghindarkan diri daripada perkara yang dimurkai Allah<br>- Untuk mengelakkan keruntuhan akhlak dan maksiat<br>- Untuk membanteras perlakuan yang menyalahi fitrah<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 1 isi<br>2 H<br>1 K<br>= 4m |
| | (c) | (i) | **<u>Nyatakan empat ciri pengurus dan pentadbir yang baik</u>**<br><br>- Beriman<br>- Amanah<br>- Berwawasan<br>- Ikhlas<br>- Positif<br>- Inovatif<br>- Dinamik<br>- Integriti | 4 isi x 1m<br>= 4m |

CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Dua tindakan yang boleh dilakukan dalam merealisasikan prinsip tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi</u><br><br>- Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan (1m) supaya dapat menyelesaikan masalah (1m)<br>- Menjaga kebajikan setiap pekerja (1m) agar hak mereka terpelihara (1m)<br>- Memberi kerjasama (1m) dalam menyelesaikan tugasan (1m)<br>- Memberi penghargaan kepada staf cemerlang (1m) agar mereka bersemangat untuk bekerja (1m)<br><br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td><u>Maksud murunah</u><br><br>Luwes/anjal/boleh berubah mengikut kesesuaian (1m) namun masih tetap pada prinsip asasnya (1m)</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Dua ciri prinsip murunah dalam pandangan hidup Islam</u><br><br>- Islam agama yang mudah (1m)<br>- Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td><u>Dua perbezaan murunah dan thabat</u><br><br><table><tr><th>Murunah</th><th>Thabat</th></tr><tr><td>- Luwes dan anjal</td><td>- Tetap dan teguh</td></tr><tr><td>- Boleh berubah mengikut Kesesuaian, namun tetap pada prinsip asasnya</td><td>- Tidak boleh berubah dasar</td></tr></table></td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td><u>Dua prinsip muamalah dalam Islam</u><br><br>- Kerelaan dalam berurus niaga (1m)<br>- Tidak mengandungi elemen haram (1m)<br>- Urus niaga tidak membawa kepada kerosakan terhadap struktur ekonomi dan sosial masyarakat (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **<u>Dua langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalah secara Islam</u>**<br><br>- Mengadakan kempen / memberi penerangan (1m) melalui media massa (1m)<br>- Memberi pendidikan agama (1m) khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam (1m)<br>- Mengembangkan kemudahan perbankan Islam (1m) secara Menyeluruh (1m)<br>- Mengemaskini sistem muamalah Islam (1m) supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | (iii) | **<u>Sebab masih ada peniaga yang tidak bermuamalat dengan cara muamalah Islam</u>**<br><br>Kurang pengetahuan tentang cara muamalah Islam (I) menyebabkan peniaga melanggar etika bermuamalah (H1) seperti melakukan manipulasi dalam perniagaan (H2) Kesannya, tindakan ini memberi beban kepada pembeli/pengguna (H3) kerana mereka rasa tertipu dengan sikap peniaga tersebut (H4) Oleh itu sebagai peniaga muslim kita hendaklah mengamalkan sikap jujur dalam perniagaan agar sentiasa diberkati Allah SWT (K)<br><br>**Cadangan jawapan**<br><br>- Kurang didikan agama<br>- Kurang pendedahan tentang cara bermuamalah Islam<br>- Terlalu mementingkan keuntungan semata-mata / mengaut keuntungan dengan cara yang cepat<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | 1 isi<br>4 H<br>1 K<br>= 6m |
| 5 | (a) | (i) | **<u>Maksud alam musyahadah</u>**<br><br>Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal (1m) tentang kewujudannya seperti manusia ,haiwan dan tumbuhan (1m) | 2m |
| | | (ii) | **<u>Dua contoh alam musyahadah</u>**<br><br>- Manusia<br>- Tumbuhan / contoh tumbuhan diterima<br>- Haiwan / contoh haiwan diterima<br>- **Mana-mana jawapan yang betul diterima** | 2 isi x 1m<br>= 2m |

CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | **<u>Hukum dalam Islam bagi perbuatan di atas</u>**<br><br>- Haram | <br><br>1m |
| | | (ii) | **<u>Berdasarkan jawapan di atas, huraikan hujah anda</u>**<br><br>**Contoh jawapan**<br><br>Pada pendapat saya Islam melarang umatnya mengubah fitrah kejadian Allah SWT (I) seperti lelaki memakai pakaian wanita (H1) kerana perbuatan tersebut mendatangkan kemurkaan Allah SWT(H2) kesannya jiwa tidak tenang (H3) kesimpulannya, umat Islam hendaklah menjaga fitrah kejadian manusia supaya mendapat keredaan Allah SWT (K)<br><br>**Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima** | <br><br><br><br>1 isi<br>3 H<br>1 K<br>= 5m |
| | (c) | (i) | **<u>Maksud takzir</u>**<br><br>Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya (2m) | <br><br>2m |
| | | (ii) | **<u>Dua contoh kesalahan takzir</u>**<br><br>- Kesalahan-kesalahan hudud dan qisas yang tidak cukup bukti untuk dikenakan hukuman hudud dan qisas (2m)<br>- Kesalahan-kesalahan khalwat (2m)<br>- Kesalahan mencuri yang tidak cukup nisab (2m)<br>- Perbuatan mengganggu ketenteraman awam (2m) | <br><br>2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (d) | | **<u>Dua syarat kesaksian dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan</u>**<br><br>- Saksi mesti baligh (2m)<br>- Saksi sempurna akal (2m)<br>- Saksi adil (2m)<br>- Saksi amanah (2m)<br>- Saksi bebas daripada sebarang keraguan (2m)<br>- Saksi tidak bermusuh dengan orang yang didakwa (2m)<br>- Bilangan saksi sekurang-kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil (2m)<br>- Bilangan saksi bagi kes perzinaan mestilah empat orang lelaki yang adil (2m) | <br><br><br>2 isi x 2m<br>= 4m |

CamScanner

<table>
<tr><td>6</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td><u>Dua konsep hiburan dalam Islam</u><br><br>- Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa (1m)<br>- Berhibur selari dengan kehendak syariat (1m)<br>- Meliputi aspek iman dan akhlak (1m)<br>- Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia (1m)<br>- Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td><u>Dua adab dan etika berhibur menurut Islam</u><br><br>- Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan (1m) kepada Allah SWT (1m)<br>- Hiburan yang tidak bercanggah (1m) dengan syarak (1m)<br>- Menghasilkan karya hiburan (1m) yang asli (1m)<br>- Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat (1m) seperti tidak bergaul bebas antara lelaki dan perempuan(1m)<br>- Tidak menganggu atau menzalimi orang lain.<br>- Berhibur secara sederhana (1m) dengan tidak melampaui batas (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td><u>Dua kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam</u><br><br>- Mengakui dan menyakini kekuasaan Allah SWT (1m) Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan (1m)<br>- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan(1m) kepada Allah SWT (1m)<br>- Memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan (1m) selari dengan syarak (1m)<br>- Mengetahui batasan manusia (1m) dalam berkarya (1m)<br>- Memberi panduan dalam menghasilkan seni (1m) yang menepati nilai-nilai akhlak Islam (1m)<br>- Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam (1m) yang gemilang (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td><u>Dua perbezaan antara negara Islam dengan negara bukan Islam</u><br><br><table><tr><th>Negara Islam</th><th>Negara Bukan Islam</th></tr><tr><td>Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi negara</td><td>Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan</td></tr><tr><td>Menjadikan undang – undang Allah SWT sebagai undang – undang negara</td><td>Menjadikan undang – undang manusia sebagai undang – undang negara</td></tr></table></td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | <table><tr><td>Menjadikan iman dan takwa sebagai ciri utama daripada ketua negara hingga rakyat biasa</td><td>Mengabaikan syarat keimanan dan ketakwaan dalam memilih pemimpin</td></tr><tr><td>Merangkumi seluruh dunia dan batas sempadan selagi ada penduduk yang mengucap dua kalimah syahadah</td><td>Memisahkan sesebuah negara berdasarkan faktor geografi dan mementingkan taraf kewarganegaraan rakyat</td></tr></table> | |
| | (d) | (i) | <u>**Dua ciri khilafah dalam sistem pemerintahan Islam**</u><br><br>- Melaksanakan undang – undang Allah SWT (1m)<br>- Menegakkan keadilan (1m)<br>- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar (1m)<br>- Mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | <u>**Sebagai seorang pengerusi persatuan di sekolah, saya mengamalkan sikap hormat meghormati**</u><br><br>Melakukan perbincangan dalam setiap perkara [I] untuk mencapai persetujuan bersama [H1] Kesannya, wujud perpaduan dalam kalangan ahli [H2] Kesimpulannya, penerapan nilai murni dapat melahirkan generasi yang bersahsiah mulia dalam semua aspek kehidupan [K]<br><br>**Cadangan jawapan**<br><br>- Mewujudkan persefahaman serta kerjasama<br>- Tidak memperkecilkan / merendahkan kebolehan orang lain<br>- Melatih diri supaya berkelakuan sopan | 1 isi<br>2 H<br>1 K<br>= 4m |

CamScanner